

26 JUN 2003

Abdullah-Umno

JANGAN CURIGA KEIKHLASAN TIGA NAIB PRESIDEN UMNO - ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta semua anggota Umno supaya berhenti mempertikai dan mencurigai keikhlasan ketiga-tiga naib presiden parti yang berjanji tidak akan bertanding jawatan timbalan presiden Umno kelak.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden Umno berkata anggota dan penyokong seharusnya memberi peluang dan menghargai mereka - Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhamad Taib - kerana mereka adalah pemimpin berwibawa yang mahukan yang terbaik untuk parti.

Mengulangi keyakinannya terhadap pengakuan terbuka ketiga-tiga naib presiden Umno itu yang pada perhimpunan agung parti ke-54 minggu lepas, Abdullah berkata: "Mereka baik orangnya dan ikhlas. Saya tidak ada rasa ragu-ragu terhadap mereka mengenai apa yang mereka katakan, apa yang mereka janji.

"Mereka telah beri janji secara terbuka di hadapan anggota parti, dan beribu-ribu orang tepuk tangan. Takkanlah lepas itu mereka tidak tetap dengan pendirian yang telah diumumkan.

"...bagi saya mereka memahami betapa perlunya pendirian itu diumumkan dan mereka memahami mengapa pendirian itu perlu dikekalkan sebagai satu pendirian yang baik untuk parti sebagaimana yang mereka sendiri telah jelaskan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perkhidmatan Awam di Institut Tadbiran Awam (Intan) Bukit Kiara di sini.

Abdullah berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan pemberita mengenai masih ada di kalangan anggota Umno yang mempertikaikan janji ketiga-tiga naib presiden Umno untuk tidak bertanding jawatan kedua tertinggi parti itu.

Beliau meminta supaya anggota Umno berhenti mencurigai antara satu sama lain kerana "cerita mencurigai orang ini tidak akan habis-habis."

Ditanya sama ada Umno akan mengadakan persidangan khas sempena persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Oktober ini, beliau berkata ia masih belum dibincangkan lagi.

-- BERNAMA

HS AHH RON